

Kapal dan Pengertiannya: Satu Pengungkapan Mengikuti Perspektif Al-Quran (Ship and Its Meaning: An Analysis According to Quranic Perspective)

ASMAR ABDUL RAHIM
MAHMUD ZUHDI MOHD NOR

ABSTRAK

Dalam konteks bidangkuasa sivil admiralti, kapal memiliki personalitinya yang tersendiri. Hal ini menjadikan kapal boleh ditahan dan kapal bertanggung terhadap liabiliti yang timbul tanpa melibatkan kehadiran pemiliknya. Oleh itu status dan maksud kapal sangat penting bagi bidangkuasa admiralti. Memandangkan maksud sebuah kapal bersifat umum, ciri 'struktur' dan 'tujuan navigasi' dijadikan sandaran utama dalam memutuskan samada sesuatu struktur itu adalah kapal atau sebaliknya dalam bidangkuasa admiralti. Selanjutnya di dalam konteks al-Quran, kapal juga turut mendapat maksud dan tempat yang istimewa. Penemuan dan penyenaian sejumlah ayat berkaitan kapal telah dikenalpasti dan didapati mempunyai dua ciri sebagaimana yang difahami dalam perihalan admiralti. Hal ini menimbulkan satu persoalan samada dua ciri ini merupakan satu petunjuk dan panduan daripada al-Quran dalam konteks admiralti. Objektif rencana ini adalah menganalisa persoalan yang dikemukakan dengan merujuk kepada ayat-ayat pilihan sebagai sokongan dan pembuktiannya.

Kata kunci: kapal bidang kuasa sivil, tujuan navigasi, admiralti, al-Quran

ABSTRACT

In the context of civil admiralty, the term 'ship' enjoys its own personality. A ship may be arrested and question of liability arises even in the absence of its owner. Thus the significance of status and meaning of 'ship' in civil admiralty. Due to the general character of the term, the structure of the ship and its navigational objectives become considered criteria in determining the status of a ship. Looking at the subject in the context of Quranic teachings, the term 'ship' has special meaning and place. A number of verses containing the term have been identified and they revealed a certain connection between ship structure and its navigational objectives as understood under admiralty. The main objective of this article is to analyse the question presented by looking at the relevant quranic verses as support.

Keywords: ship/vessel civil jurisdiction, navigational purpose, admiralty, al-Quran

PENGENALAN

Kapal merupakan kenderaan pengangkutan air yang tertua di dunia. Kapal juga terbukti telah memberi manfaat yang cukup besar kepada manusia. Malah kapal juga telah bertanggungjawab menjadi pemangkin kepada perkembangan sektor maritim dewasa ini. Lantaran itu tidak hairanlah mengapa maksud kapal di bawah peruntukan undang-undang admiralti,¹ amat penting. Keperluan terhadap maksud kapal adalah bukanlah isu baru dalam konteks admiralti. Maksud kapal diperlukan bagi menentusahkan dua persoalan utama iaitu isu liabiliti dan bidangkuasa mahkamah.² Isu liabiliti dan bidangkuasa mahkamah merupakan persoalan asas kepada tindakan *in rem* (tindakan terhadap sesuatu selain daripada individu).³ Lantaran itu, maksud sempurna apakah maksud kapal amat penting kepada bidangkuasa sivil admiralti. Kapal memiliki konsep yang unik. Kapal mempunyai tanggungan liabiliti yang berasangan

daripada pemiliknya dalam peruntukan bidangkuasa admiralti. Untuk itu kapal boleh ditahan di bawah prosidur sivil admiralti. Penahanan kapal ini dilakukan bagi tujuan tuntutan sivil maritim.⁴ Penahanan kapal adalah untuk tujuan mendapatkan sekuriti berbentuk jaminan atau cagaran daripada pemiliknya atau melalui penjualannya. Lantaran kapal memiliki nilai komersial dan tindakan penahanan kapal menjadi satu alternatif sebagai mod remedi kepada tuntutan sivil maritim.

Perkembangan teknologi dewasa ini turut memberi implikasi kepada sektor pembuatan kapal seluruh dunia. Pelbagai rekabentuk, saiz dan struktur baru telah dicipta bagi manfaat kepada manusia. Oleh itu isu status rekaan struktur objek terapung dipermukaan air adalah kapal atau sebaliknya amat diperlukan bagi tujuan tindakan dalam hal admiralti. Menyedari hal ini maka para hakim ditugaskan untuk memutuskan samada struktur objek terapung tersebut adalah kapal atau sebaliknya. Memandangkan tidak terdapat definisi kapal yang

komprehensif maka para hakim bersandarkan kepada ciri pada 'struktur' dan 'tujuan navigasi' sebagai penanda aras sebagai ujian penentuan status kapal.

Selanjutnya, di dalam konteks al-Quran, kapal merupakan ciptaan manusia yang telah mendapat tempat yang cukup istimewa. Keistimewaan kapal ini bukan sahaja telah digarapkan melalui kisah Nabi Nuh A.S. malah turut manfaat kapal turut meliputi aspek ekonomi, politik dan sosial. Usaha untuk mendalami dan memahami kedudukan kapal di dalam al-Quran telah berjaya membawa kepada penyenaian himpunan sejumlah surah dan ayat yang mempunyai kaitan dengan kapal. Rentetan daripada penganalisaan surah dan ayat al-Quran ini, satu andaian telah rumuskan bahawa ciri struktur dan tujuan navigasi yang dirujuk dalam konteks admiralti itu merupakan satu petunjuk dan panduan daripada al-Quran.

Untuk itu, objektif rencana ini membawa hujah dan bukti bagi menyokong andaian yang telah dirumuskan. Perbahasaan rencana ini mengemukakan bukti melalui penganalisaan dan penemuan kajian yang telah dilakukan berpandukan senarai surah-surah dan ayat-ayat yang telah dianalisa sebelum ini. Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa kupasan rencana ini bukanlah bermotifkan untuk membuat perbandingan secara kritikal diantara dalam konteks perundangan dengan al-Quran. Namun sebaliknya kupasan rencana ini merupakan satu hujah dan analisa pembuktian bahawa ciri struktur dan tujuan navigasi yang menjadi panduan kepada para hakim adalah satu petunjuk dan panduan daripada al-Quran.

Penyenaian surah-surah dan ayat-ayat al-Quran telah dilakukan melalui pencarian istilah kapal di dalam al-Quran dengan bantuan perisian komputer.⁵ Proses himpunan senarai surah dan ayat yang diperolehi kemudiannya dianalisa dengan kaedah manual bagi memastikan agar tidak berlaku bertindihan surah dan ayat berulang kali. Menyedari terdapat pelbagai perisian komputer berasaskan al-Quran dewasa ini berikut merupakan justifikasi pemilihan perisian ini;

- (a) Perisian komputer ini menggunakan resam Othmani;
- (b) Mempunyai sistem video dan audio bacaan serta dilengkapi terjemahan dalam pilihan dwi-bahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris);
- (c) Turut dilengkapi dengan kata carian bagi tujuan memudahkan pencarian yang ayat atau surah yang diperlukan;
- (d) Sistem perisian ini juga memiliki keistimewaan dengan menyenaraikan semua surah dan ayat selepas katacarian dimasukkan;
- (e) Ayat-ayat al-Quran dan maksudnya boleh dicetak dengan mudah; dan
- (f) Bagi pencarian jumlah surah dan ayat yang berkaitan kapal boleh dilakukan sama ada menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

Hasil pencarian menggunakan perisian ini sebanyak dua puluh enam surah dan empat puluh tiga ayat yang mempunyai kaitan kapal telah berjaya disenaraikan. Jumlah ini dianggap sesuatu yang cukup penting yang harus diketengahkan dan dikongsi bersama melalui penulisan rencana ini. Untuk itu setiap kupasan disepanjang perbahasaan rencana ini sekadar penambahan ilmu serta menambahkan kefahaman kita terhadap keagungan kitab suci al-Quran.

Menyedari keagungan al-Quran sebagai kitab Allah dan zatnya yang tinggi, maka adalah menjadi satu keperluan di dalam penulisan rencana ini merujuk kepada beberapa buah kitab tafsir untuk tujuan penulisan rencana ini. Antara kitab tafsir yang dirujuk adalah seperti kitab Tafsir Ibn Kathir (terjemahan bahasa Inggeris di bawah seliaan Shaykh Safiur-Rahman Al-Mubarakpuri),⁶ Terjemahan Singkat Tafsir Ibnu Katsir oleh penterjemah H. Salim Bahreisy dan H. Said Bahreisy,⁷ Tafsir Al-Mishbah⁸ oleh M. Quraish Shihab dan Tafsir Fi Zhilalil Qur'an⁹ oleh Sayyid Quthb bagi mendalami maksud ayat-ayat yang dirujuk. Namun apa yang ingin ditegaskan di sini bahawa perbahasaan rencana ini bukanlah bertujuan untuk menggambarkan pemahaman maksud sebuah kapal daripada al-Quran itu sendiri, sebaliknya sebagai penemuan penting bahawa ciri-ciri yang dinyatakan di dalam al-Quran ini telah diadaptasi dan menjadi panduan kepada manusia sejak sekian lamanya.

Bagi membuktikan andaian ini adalah benar maka adalah perlu rencana ini membincangkan secara ringkas perihalan pemakaian dua ciri kapal yang disandarkan di bawah bidangkuasa admiralti terlebih dahulu. Selanjutnya perbincangan rencana ini dipanjangkan dengan membahaskan perihalan kapal dalam konteks al-Quran dengan membawa bingkisan kisah pembinaan kapal oleh Nabi Nuh A.S. Pembuktian andaian bahawa ciri-ciri sebuah kapal itu petunjuk daripada al-Quran, maka rencana ini merujuk dan menganalisa surah-surah dan ayat-ayat pilihan bagi tujuan ini.

MAKSUD KAPAL MENURUT PERSPEKTIF ADMIRALTI

Terma kapal menurut Kamus Oxford¹⁰ didefinisikan sebagai '*a large boat for transporting people or goods by sea*' atau '*a sailing vessel with a bowsprit and three or more square-rigged masts*'. Dua definisi kapal yang dikemukakan oleh Kamus Oxford ini membawa dua dimensi tafsiran yang berbeza. Bagi definisi pertama merujuk kepada struktur (bot besar) dan diikuti tujuan penggunaannya (sebagai pengangkut manusia atau barangan) di lautan. Manakala definisi kedua kapal selanjutnya bersifat merujuk kepada tafsiran teknikal iaitu struktur.

Berpandukan kepada dua definisi kapal di atas, definisi pertama menggambarkan dua ciri penting

yang diperlukan bagi diklasifikasikan dalam maksud sebuah kapal. Malah jika diteliti, maksud umum yang dikemukakan di dalam Kamus Oxford maksud kapal sesuai dirujuk dalam apa jua keadaan. Walau bagaimanapun tafsiran kedua yang dikemukakan oleh kamus yang sama merujuk dan menggambarkan kapal-kapal terdahulu. Namun definisi kedua ini diandaikan kurang sesuai untuk dirujuk kepada maksud kapal yang diperlukan dalam konteks admiralti seiring dengan kemajuan teknologi dewasa ini. Malah perubahan pada saiz dan skuter kapal pada hari ini telah menggantikan penggunaan layar dengan penggunaan enjin sebagai sumber kekuatan pergerakannya khususnya bagi tujuan aktiviti komersial perdagangan.

Satu lagi istilah yang sering dirujuk sebagai membawa maksud kapal adalah 'vesel'. Terma ini berasal daripada istilah latin '*vascellum*' dan didefinisikan sebagai "*a ship or large boat*" atau "*a craft or ship of any kind now usually one larger than a rowing-boat and often restricted to sea-going craft or those plying on the larger rivers or lakes*".¹¹ Berpandukan kepada definisi vesel yang dikemukakan ini, vesel merujuk kepada kapal atau bot besar. Berbanding maksud kapal, istilah vesel ini lebih bersifat umum yang turut merangkumi apa-apa vesel yang digunakan di lautan, sungai-sungai besar atau tasik-tasik.

Selanjutnya dalam konteks bidangkuasa admiralti khususnya di Malaysia, kapal merujuk kepada 'apa-apa perihalan vesel yang digunakan di dalam pelayaran'.¹² Manakala Aturan 70 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 merujuk kapal sebagai 'apa-apa perihalan vessel yang digunakan di dalam pelayaran'.¹³

Menyedari sifat definisi kapal adalah bersifat umum maka bagaimanakah proses untuk mengenalpasti samada sesuatu struktur objek yang terapung di permukaan air adalah kapal atau sebaliknya. Hal ini memberi cabaran kepada para hakim membuat keputusan dengan penuh bijaksana. Hakim Scrutton di dalam kes *Merchant Marine Insurance Co Ltd v North of England P&I Assoc*¹⁴ pernah menyuarakan cabaran dan kesukaran ini melalui petikan kata-kata beliau seperti berikut;

One might possibly take the position of the gentleman who dealt with the elephant by saying that he could not define an elephant, but he knew what it was when he saw one, and it may be that is the foundation of the learned judge's judgement, that he cannot define 'ship or vessel' but he knows this thing is not a ship or vessel.

Namun bagi Hakim Cotton di dalam kes *The Mac*¹⁵ berpandangan bahawa penentuan sebuah kapal perlu merujuk kepada dua perkara iaitu terletak pada struktur tiruan (*artificial structure*) yang terapung di atas permukaan air dan rujukan pendaftarannya. Pandangan yang dikemukakan oleh Hakim Cotton ini diberikan berdasarkan kepada peruntukan seksyen 19 Akta Perkapalan Saudagar 1854 yang dirujuk oleh beliau.

Manakala Cremean, D.J., mempunyai pandangan sebaliknya. Cremean, D.J., berpandangan maksud kapal bagi kegunaan undang-undang admiralti perlu disandarkan pada ciri pergerakannya. Jelasnya jika rujukan maksud kapal merujuk kepada ciri pergerakan pada stuktur terapung itu, ia lebih mudah. Secara teorinya bagi Cremean, D.J., selain maksud kapal, terma vesel dalam konteks admiralti merujuk 'meliputi apa sahaja bentuk objek yang digunakan di dalam pelayaran'.¹⁶

Selanjutnya Manadaraka-Sheppard, A.,¹⁷ mengklasifikasikan definisi kapal kepada definisi lama dan definisi moden. Menurutnya definisi lama vesel dan kapal boleh merujuk kepada seksyen 742 Akta Perkapalan Saudagar 1894 (*Merchant Shipping Act 1894*)¹⁸ yang menetapkan tiga elemen utama bagi tujuan maksud vessel dan kapal iaitu struktur fizikal, tidak menggunakan pendayung dan tujuan kegunaannya dalam navigasi. Manakala dalam konteks moden hanya dua elemen yang diperlukan iaitu struktur fizikal dan tujuan penggunaan dalam navigasi berpandukan kepada seksyen 313(1) Akta Perkapalan Saudagar 1995¹⁹ (*Merchant Shipping Act 1995*). Definisi yang sama telah diperuntukan oleh seksyen 24(1) Akta Mahkamah Agung 1981 (UK). Namun definisi kapal di dalam peruntukan Akta Mahkamah Agung 1981 telah merangkumi hoverkraf.

Meskipun terdapat pelbagai pandangan tentang maksud kapal namun secara ringkasnya, maksud kapal sediaada kini tidak berbentuk satu definisi yang komprehensif. Malah pelbagai definisi kapal yang ditafsirkan dalam konteks undang-undang maritim lazimnya merujuk kepada tujuan dan skop pemakaian sesuatu akta. Maka proses penentuan kapal sehingga kini dilakukan melalui ujian dua ciri utama iaitu merujuk struktur binaan objek (kemampuan terapung dan belayar) dan tujuan kegunaan dalam navigasi.

STATUS SEBUAH KAPAL DALAM KONTEKS BIDANGKUASA ADMIRALTI

Menyedari perihalan di atas, dua ciri (struktur dan tujuan) dikenalpasti sebagai panduan terbaik untuk dijadikan rujukan dalam konteks bidangkuasa admiralti. Lantaran itu pada hakim akan mengukur sesuatu persoalan dalam kausa tindakan *in rem* sama ada struktur objek terapung itu merujuk kepada maksud kapal atau sebaliknya. Kepentingan maksud kapal ini amat penting bagi tujuan perlaksanaan prosidur *in rem* itu sendiri memandangkan tindakan ini hanya digunapakai terhadap *res* (merujuk kepada tindakan terhadap kapal atau kargo atau freight).

(a) Ciri pertama merujuk kepada struktur objek

Dalam konteks ciri pertama ini penekanan yang diberikan adalah kebolehan struktur itu terapung. Secara umumnya pemakaian ciri pertama ini merangkumi apa-apa struktur samada digunakan di lautan mahupun di sungai-sungai atau di tasik-tasik.²⁰ Namun jika merujuk kepada kes *Ex parte Ferguson and Hutchinson*²¹ mahkamah telah memutuskan bahawa maksud sebuah vesel itu hanya merujuk kepada sebuah kapal apabila ia digunakan bagi urusan ke laut.

Walau bagaimanapun Hakim Cotton di dalam kes *The Mac*²² mempunyai pandangan yang berbeza. Menurut hakim Cotton, beliau berpandangan tafsiran sesebuah kapal atau vessel tidak semestinya hanya merujuk kepada kapal yang turun ke laut sahaja dan seharusnya maksud kapal adalah merangkumi semua kapal yang digunakan baik di lautan atau di sungai atau di tasik.

Hakim Roskill di dalam kes *Dependable Marine Co. Ltd v Customs and Excise Commissioners*²³ berpandangan bahawa;

whether this craft was a boat or other vessel depended on the first impression. The clear primary purpose was to tow skiers and to enable them to have benefit of a craft to move them without having to use a conventional motorboat together with some person to drive it. It was true that it was physically capable of carrying a human being, who could control the engine. But it had no navigational aids -no rudder, and and large enough to carry human being and the only method of changing direction was for the skier or passanger to shift his weight.

Berpandukan kepada petikan di atas ini, penekanan yang diberikan oleh Hakim Roskill dalam memutuskan sama ada struktur objek terapung di permukaan air sama ada kapal atau sebaliknya adalah berpandukan kepada pandangan pertama ketika melihat objek tersebut. Kemudian diikuti dengan cara pergerakan objek tersebut dan tujuan navigasinya.

Pandangan Hakim Roskill ini selanjutnya telah dirujuk oleh Hakim Sheen di dalam kes *Steedman v Scofield*²⁴ ketika merujuk status jet-ski. Hakim Sheen menggunakan rasional yang diutarakan oleh hakim Roskill dan membuat penambahan berikut bahawa penggunaan jet-ski hanyalah untuk penggunaan individu sahaja. Malah biarpun keupayaannya terapung dan bergerak di permukaan air namun hakikatnya struktur jet-ski mempunyai berbezaan dengan kelebihan pada struktur sebuah bot (istilah bot ini membawa merujuk kepada 'satu konsep struktur, tanpa merujuk jenis bahan asas pembuatannya, dan lengkungan pada bentuknya pula memberi keapungan bagi tujuan membawa manusia atau barangan). Oleh itu di dalam kes ini sebuah jet-ski bukanlah kapal.

(b) Tujuan penggunaannya di dalam navigasi

Bagi ciri kedua ini, penekanan ditumpukan pada kebolehan struktur objek itu bergerak daripada satu destinasi ke destinasi yang ditetapkan. Malah pergerakan struktur objek dikira sempurna navigasinya sebagai contoh menurunkan penumpang atau kargo di tempat yang telah ditetapkan.²⁵ Di dalam kes *The Mac*²⁶ dan kes *The Mudlark*²⁷ lokasi dan tempat objek itu beroperasi menjadi penentuan samada berlakunya navigasi atau sebaliknya. Lantaran itu di dalam kes *Southport Corp v Morris*²⁸ mahkamah telah memutuskan bahawa skop navigasi sesebuah kapal tidak termasuk apa-apa navigasi di tasik buatan yang bersaiz kecil.

Merujuk kembali kepada kes *Steedman v Scofield*²⁹, keputusan terhadap jet-ski bukan kapal ada asasnya apabila ciri kedua ini tidak memenuhi prasyarat yang diperlukan. Keputusan jet-ski ini selanjutnya telah disahkan di dalam kes *R v Goodwin*.³⁰ Rasionalnya yang boleh dirumuskan di dalam kes ini apabila jet-ski hanyalah sebuah kraf yang digunakan bagi tujuan hiburan air tanpa mempunyai fokus navigasi sebenar yang dilakukan oleh sebuah kapal dalam erti kata sebenar.

Berikut merupakan antara contoh senarai objek yang telah diputuskan oleh mahkamah samada kapal atau bukan kapal di Jadual 1.

JADUAL 1. Antara contoh senarai struktur objek yang telah diputuskan sebagai bukan kapal

Bukan kapal
Jet-ski ³¹
kapal terbang air ³²
helikopter yang memiliki kelebihan boleh mendarat di atas permukaan air ³³
Kren pontoon ³⁴

Persoalannya, adakah dua ciri sebagaimana yang dianalisa di atas merupakan panduan dan petunjuk daripada al-Quran?. Selanjutnya perbincangan rencana ini membahaskan dua ciri di atas dalam konteks al-Quran dan kapal.

KISAH NABI NUH A.S. DAN KAPAL DI DALAM AL-QURAN

Kisah pembinaan kapal dan Nabi Nuh A.S. di dalam al-Quran cukup meninggalkan kesan yang cukup mendalam di dalam lipatan sejarah Islam. Pembinaan kapal (dirujuk sebagai bahtera di dalam maksud al-Quran) oleh Nabi Nuh A.S. adalah merupakan titik permulaan sejarah kepada pembinaan kapal besar pertama di dunia oleh manusia. Perintah Allah ini telah dilaksanakan oleh Nabi Nuh A.S. sebagai persiapan untuk menghadapi banjir besar pada zamannya akibat keingkaran kaumnya

untuk beriman kepada Allah S.W.T. Kisah pembinaan kapal ini boleh dilihat di dalam surah Hud, bermula daripada ayat 37, 38, 40, 41, 42, 44 dan 48.

Kisah ini bukan sekadar kisah biasa yang kita dengar namun ia seharusnya menjadi sebagai pengajaran kepada kita pada hari ini. Malah di sebalik kisah ini, ia bukan sahaja memperlihatkan kekuasaan Allah S.W.T. malah terdapat pengajaran dan pemahaman khususnya tentang sejarah pembuatan kapal. Peristiwa ini sekaligus membawa kepada kita tentang pengertian kepada apa itu kapal dan cirinya menurut perspektif al-Quran. Perintah Allah kepada Nabi Nuh A.S. untuk membina kapal pada zamannya telah dinyatakan dengan jelas berdasarkan kepada maksud ayat-ayat di bawah ini :

Dan buatlah bahtera dengan pengawasan serta kawalan Kami dan dengan panduan wahyu Kami (tentang cara membuatnya) dan...

(Surah Hud 11:37)

Lalu Kami wahyukan kepadanya: Buatlah bahtera dengan pengawasan serta kawalan Kami dan dengan panduan wahyu Kami (tentang cara membuatnya);...

(Surah Al-Mu'minun 23:27)

Dua ayat di atas ini memberi petunjuk penting kepada manusia. Pertama ayat di atas bukan sahaja merupakan satu arahan ke atas Nabi Nuh A.S., malah ia merupakan ayat yang mengandungi petunjuk bagaimana proses pembuatannya. Kedua, ayat-ayat di atas juga menunjukkan bahawa hidup manusia ini sentiasa memerlukan kepada bimbingan dan petunjuk daripadaNya dalam pelbagai perkara. Sejajar situasi ketika itu, kemahiran pembuatan kapal besar ini masih belum popular pada zaman Nabi Nuh A.S., namun ayat-ayat ini membuktikan bahawa hasil kerja pertukangan kepada Nabi Nuh A.S. ini adalah kelebihan yang kurniaan oleh Allah S.W.T. kepadanya. Manakala panduan dan bimbingan ini di atas turut mencerminkan bahawa dalam industri pembuatan kapal, ia memerlukan kepada ilmu pengetahuan dan pengalaman yang secukupnya agar penghasilan kapal bermutu tinggi dan memenuhi tujuannya sebagai sebuah kenderaan air.

Malah pada pandangan penulis M. Quraish Shaihab beliau telah menyifatkan ayat 3711 daripada Surah Hud di atas merupakan bukti bahawa kerja pertukangan kayu adalah kemahiran khas yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T. kepada Nabi Nuh A.S. Manakala anugerah kemahiran khas dalam kemahiran dan keterampilan membuat baju-baju daripada besi³⁵ telah dianugerahkan kepada Nabi Daud A.S. Perkara ini dapat dirujuk melalui surah al-Anbiya' ayat 80 yang bermaksud;

dan telah kami ajarkan kepada Daud membuat baju besi untuk kamu guna memelihara kamu dalam peperangan...

(Surah al-Anbiaya' 21:80)

Selanjutnya, sebelum wujudnya teknologi moden dalam sektor industri pembinaan kapal bahan asas utama untuk membina sebuah kapal adalah terdiri daripada papan dan paku. Elemen ini merupakan bahan asas yang digunakan dalam pembuatan kapal Nabi Nuh A.S. Hal ini telah dijelaskan melalui maksud ayat di bawah ini;

Dan kami angkat Nuh ke atas (beserta pengikut-pengikutnya) di atas (bahtera yang di bina) yang diperbuat daripada papan dan paku.

(Surah al-Qamar 54:13)

GAMBARAN STRUKTUR KAPAL NABI NUH A.S.

(a) Tempoh pembinaan kapal

Bersandarkan kepada penulisan oleh M. Quraish Shihab yang memetik pandangan ulama salaf, menyatakan bahawa pembinaan kapal ini melibatkan dua fasa penting. Fasa pertama adalah fasa pemotongan dan pengeringan kayu dan fasa berikutnya adalah mengenai pembinaannya. Tempoh setiap fasa ini dikatakan menelan masa selama seratus tahun. Selanjutnya, pada fasa pertama, kerja-kerja pemotongan kayu-kayu dan pengeringannya dilakukan terlebih dahulu. Manakala pada fasa keduanya pula melibatkan kerja-kerja menghaluskan kayu-kayu itu dan membentuk bahtera. Selain pandangan ulama salaf ini, pandangan kedua telah berpandangan bahawa tempoh proses pembinaan kapal ini keseluruhannya mengambil masa selama empat puluh tahun lamanya.³⁶

Meskipun terdapat percanggahan pandangan dalam hal masa pembinaan kapal oleh Nabi Nuh A.S. ini, namun secara rasionalnya dalam konteks pembinaan kapal, masa yang lebih lama diperlukan berbanding dengan pembinaan kapal bersaiz sederhana. Tempoh yang mencukupi diperlukan dalam pembinaan sesebuah kapal dalam memastikan agar pembinaan kapal sempurna dan dapat berfungsi dengan selamat. Malah berbanding dahulu, tempoh pembinaan sebuah kapal dewasa ini dapat disingkatkan dengan bantuan penggunaan teknologi canggih. Jesteru itu, tempoh pembinaan kapal oleh Nabi Nuh A.S. adalah wajar kerana pembinaannya dilakukan dengan menggunakan sentuhan tangan manusia sahaja.

(b) Penggunaan kayu

Manakala dalam petikan kitab Terjemahan Singkat Ibnu Katsir oleh Bahreisy & H. Said Bahreisy yang memetik sumber daripada Muhamad bin Ishaq telah mendakwa bahawa kayu yang digunakan dalam pembinaan bahtera Nabi Nuh A.S. dipercayai jati.³⁷ Persoalan sejauhmana dakwaan ini tidak dapat dibahaskan lebih lanjut memandangkan tiada sumber rujukan yang dinyatakan dengan jelas di sini.

Seperkara yang menarik lagi yang menarik perhatian untuk dibincangkan adalah saiz kapal yang perlu dibuat oleh Nabi Nuh A.S. Ini kerana saiz kapal adalah penting bagi menampung jumlah muatan yang perlu dimuatkan ke dalamnya. Perkara ini telah ditegaskan di dalam maksud ayat 40 surah Hud dan ayat 27 daripada surah al-Mu'minin apabila Allah memerintahkan agar Nabi Nuh A.S. membawa setiap daripada jenis haiwan (jantan dan betina), ahli keluarga dan pengikutnya ke dalam kapalnya setelah siap.

...Kami berfirman kepada Nabi Nuh: Bawalah dalam bahtera itu dua dari tiap-tiap sejenis haiwan (jantan dan betina) dan bawalah ahlimu kecuali orang yang telah ditetapkan hukuman azab atasnya (disebabkan kekufuran)...

(Surah Hud 11:40)

...maka masukanlah ke dalam bahtera itu dua dari tiap-tiap jenis haiwan (jantan dan betina) dan bawalah ahlimu (dan pengikut-pengikutmu) kecuali orang yang telah ditetapkan hukuman azab atasnya di antara mereka (disebabkan kekufurannya)...

(Surah al-Mu'minin 23:27)

Berikut merupakan rumusan beberapa pandangan-pandangan yang dipetik melalui kitab Terjemahan Singkat Tafsir Ibnu Kathir oleh H. Salim Bahreisy & H. Said Bahreisy tentang saiz kapal yang telah dibina oleh Nabi Nuh A.S.³⁸ diperincikan di Jadual 3 ini;

JADUAL 2. Pandangan tentang saiz kapal Nabi Nuh A.S.

Pandangan yang diutarakan oleh	Gambaran saiz yang diberikan
Muhamad bin Ishaq	saiz kapal itu digambarkan 'adalah panjangnya adalah delapan puluh hasta, lebar lima puluh hasta. Manakala luar dan dalam kapal pula di cat dengan menggunakan tir. Manakala dada kapal pula digambarkan dibentuk tajam bagi memudahkan bahtera mencecah gelombang'. ³⁹
Qatadah	merujuk kepada pandangan Qatadah yang dirujuknya iaitu saiz bahtera Nabi Nuh ini panjangnya tiga ratus hasta lebar lima puluh.
Al-Hassan	merujuk kepada pandangan yang diberikan oleh al-Hasan apabila menyifatkan saiz kapal itu adalah enam ratus hasta dan lebarnya tiga ratus.
Ibn Abbas	seribu dua ratus hasta panjangnya dan lebarnya enam ratus
Pandangan ke-lima	saiz kapal itu adalah dua ribu hasta panjang dan lebarnya seratus hasta.

Manakala dalam konteks ketinggian kapal Nabi Nuh A.S. para ulama berpandangan bahawa tinggi kapal adalah tiga puluh hasta dan memiliki tiga tingkat. Manakala setiap tingkat tersebut adalah sepuluh hasta. Jadual 3 berikut mempunyai butiran lanjut perihal muatan di dalam kapal;

JADUAL 3. Pandangan tentang muatan kapal Nabi Nuh A.S.

Pandangan oleh ulama	Pandangan oleh Abu Hayyan
satu tingkat untuk binatang-binatang, satu tingkat untuk manusia dan satu tingkat untuk burung-burung; ⁴⁰	Abu Hayyan, tingkat paling bawah kapal Nabi Nuh A.S. itu telah dikhususkan untuk binatang buas, sementara tingkat keduanya untuk makan dan minum dan tingkat atasnya pula adalah untuk Nabi Nuh A.S. dan pengikut-pengikutnya. Walau bagaimanapun pandangan kedua ini dilihat lemah dan diragui kerana tidak menyebut sumbernya yang sah. ⁴¹

Persoalan yang boleh diajukan di sini, adakah maksud 'kapal' dan ciri di dalam al-Quran ini merujuk kepada saiz dan bahan asas sebagaimana yang dinyatakan di dalam kisah Nabi Nuh A.S.? Seandainya jawapan itu benar, sudah pasti definisinya sudah tidak relevan memandangkan bahan pembinaan (papan dan paku telah digantikan dengan penggunaan bahan-bahan seperti besi atau fiber dan yang menggunakan teknologi moden) telah berubah mengikut peredaran masa.

Walaupun bagaimanapun sebagaimana yang ditegaskan sebelum ini, persoalan ini hanyalah berbentuk satu andaian berdasarkan kepada pandangan cetek sebagai manusia biasa. Adalah sesuatu yang mustahil untuk kita mentafsirkannya ke dalam bentuk pemahaman manusia memandangkan al-Quran mempunyai maksudnyanya yang tidak tercapai oleh akal manusia. Biar pun peredaran masa telah merubah penggunaan bahan asas untuk pembinaannya namun dari segi penggunaan istilah

dan konsep, ianya masih lagi utuh dalam menjelaskan definisi kapal pada ketika ini.

Selain itu juga sejajar dengan kehendak semasa dan kemajuan teknologi pada hari ini, perubahan penggunaan bahan asas pembuatan kapal daripada papan dan paku telah digantikan dengan penggunaan besi. Keadaan ini adakalanya membawa kepada satu kemusykilan bagaimana besi yang berat mampu terapung dan belayar di lautan dari satu pelabuhan ke pelabuhan. Sedangkan jika sebatang jarum yang kecil dibuang ke laut akan tenggelam ke dasar laut. Keadaan ini selanjutnya merujuk kepada pemakaian konsep 'Gaya Apungan' atau Hukum Archimedes oleh Archimedes.⁴² Konsep ini membolehkan sesebuah kapal dapat terapung dan belayar dengan selamat. Hal ini dapat disokong dengan firman Allah S.W.T. di bawah ini yang bermaksud;

...maka jadilah kapal itu terapung-apung di permukaan laut..

(Surah Al-Syura 42:33)

Tidakkah engkau memerhatikan bahawasanya kapal-kapal belayar di laut dengan nikmat kurnia Allah, untuk diperlihatkan kepada kamu sebahagian daripada tanda-tanda kemurahanNya?...

(Surah Luqman 31:31)

SENARAI SURAH-SURAH DAN AYAT-AYAT AL-QURAN YANG MEMPUNYAI KAITAN DENGAN KAPAL

Pencarian maksud sebuah kapal di dalam al-Quran telah menemukan sebanyak empat puluh tiga ayat daripada dua puluh enam surah yang menyentuh tentang kapal. Sebagaimana yang dinyatakan di permulaan rencana ini, pencarian surah-surah dan ayat-ayat di bawah ini telah dianalisa dengan menggunakan bantuan perisian khas komputer. Pencarian katakunci yang digunakan adalah seperti kapal, bahtera dan sampan. Selanjutnya pencarian dalam bahasa Inggeris menggunakan istilah *ship*, *vessel* dan *boat*.⁴³ Senarai penuh surah dan ayat yang ditemui adalah sebagaimana yang terkandung pada Jadual 4 di bawah ini.

JADUAL 4. Himpunan senarai nama surah dan ayat-ayat

Nama Surah & Jumlah Ayat			Nama Surah & Jumlah Ayat		
1	Al-Baqarah 2:164;	(1 ayat)	14	Al-Rum 30:46,	(1ayat)
2	Al-A`raf 7:64;	(1 ayat)	15	Luqman 31:31;	(1 ayat)
3	Yunus 10:22 & 73;	(2 ayat)	16	Yang Menjadikan 35:12;	(1 ayat)
4	Hud 11:37, 38, 40, 41, 42, 44 & 48;	(7 ayat)	17	Yasin 36:41 & 42;	(2 ayat)
5	Ibrahim 14:32;	(1 ayat)	18	Ash Sharaat 37:140,	(1 ayat)
6	An-Nahl 16:14;	(1ayat)	19	Al-Ghafir 40:80;	(1 ayat)
7	Al-Isra' 17:3 & 66;	(2 ayat)	20	Asy Syura 42:32, 33 & 34;	(3 ayat)
8	Al-Kahfi 18:71 & 79;	(2 ayat)	21	Az Zukruf 43:12;	(1 ayat)
9	Maryam 19:58;	(1 ayat)	22	Al Jatsiah 45:12;	(1 ayat)
10	Al-Haj 22:65;	(1 ayat)	23	Adz Dzariyat 51:31;	(1 ayat)
11	Al-Mu`minun 23:22, 27 & 28;	(3 ayat)	24	Al-Qamar 54: 13 & 15;	(2 ayat)
12	Al-Asyura 26:119 & 120;	(2 ayat)	25	Ar Rahman 55:24	(1 ayat)
13	Al-Ankabut 29:15 & 65;	(2 ayat)	26	Al Haqqah 69:11.	(1 ayat)

Secara umumnya ayat-ayat di atas ini merangkumi pelbagai aspek berkaitan dengan kapal. Dalam membuktikan andaian awal rencana ini, ayat-ayat di atas ini selanjutnya diteliti daripada sudut maksudnya. Daripada analisa yang telah dilakukan, selanjutnya terdapat sejumlah ayat yang menceritakan tentang elemen utama sebuah kapal seperti penggunaan tiang, kain layar dan angin. Rujukan dan analisa lanjut seperti berikut;

(a) Penggunaan tiang layar dan layar pada sebuah kapal.

Dan kepunyaan-Nyalah (bahtera-bahtera) yang belayar, lagi yang berkembang layarnya di lautan, laksana gunung ganang;

(Surah Al-Rahman 55:24)

Menurut M. Quraish Shihab, istilah '*al-munsya`at*' (yang berkembang layarnya) di dalam ayat di atas ini merupakan istilah yang di ambil daripada perkataan '*ansya`a*' iaitu bermaksud membuat. Dalam konteks pelayaran menurut beliau, ayat di atas ini merujuk kepada cara pembuatan kapal oleh manusia serta keperluan penggunaan layar ini untuk menggerakkan dan melajukan pelayaran kapal di lautan.⁴⁴

(b) Penggunaan elemen angin.

Selanjutnya jika diteliti pada ayat 22 daripada surah Yunus dan ayat 46 daripada surah al-Rum di bawah ini hubungan antara angin dan kain layar merupakan kekuatan pergerakan bagi sebuah kapal.

Dialah yang menjalankan kamu di darat dan di laut (dengan diberi kemudahan menggunakan berbagai jenis kenderaan); sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera da bahtera itu pula bergerak laju membawa penumpang-penumpangnya dengan tiupan angin yang baik dan mereka pun bersukacita dengannya;...

(Surah Yunus 10:22)

Dan diantara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya, bahawa Dia menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang menggembirakan dan untuk merasakan kamu sedikit dari rahmatNya dan supaya kapal-kapal belayar laju dengan perintahNya,...

(Surah al-Rum 30:46)

Dalam konteks elemen angin ini, kitab tafsir Tafsir Al-Mishbah telah mentafsirkan bahawa istilah '*rih*' (angin) yang digunakan di dalam ayat di atas ini adalah berbentuk tunggal dan membawa kepada gambaran tentang kekuatan pergerakan kapal yang menggunakan layar sebagai punca tenaga utama. Manakala M. Quraish Shihab selanjutnya memetik pandangan asy-Sya'rawi merujuk istilah '*rih*' ini diterjemahkan kepada maksud kekuatan. Dalam menguatkan hujahnya ini, asy-Sya'rawi telah merujuk ayat 46 daripada surah al-Anfal sebagai sokongan hujahan di atas⁴⁵ yang bermaksud;

...dan janganlah berbantah-bantahan, yang menyebabkan kami menjadi gentar dan hilang kekuatan kamu....

(Surah al-Anfal 8:46)

Ringkasnya istilah '*rih*' yang dirujuk di dalam al-Quran membawa maksud yang cukup mendalam. Maksud angin juga bukanlah sekadar merujuk kepada punca angin sahaja malah ia merupakan petunjuk kepada kekuatan bagaimana ia dapat digerakkan. Lantaran itu jika pemakaian istilah angin yang dirujuk dalam konteks kegunaan kapal pada hari ini adalah kekuatan pergerakannya, maka pemakaiannya masih relevan dan konsisten dengan kehendak pada hari ini. Seandainya merujuk kepada kupasan di atas, maksud penentuan sesuatu struktur kapal dilihat tidak konsiten dengan kehendak dan perkembangan dalam teknologi struktur sebuah kapal pada hari ini.

SENARAI AYAT-AYAT AI-QURAN MERUJUK KEPADA CIRI-CIRI SEBUAH KAPAL

Selanjutnya, daripada hasil dapatan pada Jadual 4 di atas, sekali lagi dianalisa dan di buat penelitian lanjut. Penganalisaan ini bertujuan mencari dan mengasingkan jumlah ayat yang berbicara tentang ciri sebuah kapal sebagaimana yang telah digunapakai di dalam

bidangkuasa admiralti. Pengkelasan ayat-ayat yang dianalisa kemudiannya dikelompokkan kepada dua ciri utama seperti di Jadual 5 di bawah ini.

JADUAL 5. Pengklasifikasian surah dan ayat berdasarkan kepada ciri 'belayar' dan tujuan 'penggunaan' sebuah kapal

KEBOLEHAN BELAYAR	TUJUAN PENGGUNAANNYA
1. Al-Baqarah 2:164;	1. Al-Baqarah 2:164;
2. Yunus 10:22;	2. Al-A'raf 7:64;
3. Hud 11:41;	3. Yunus 10:22, 73;
4. Ibrahim 14:32;	4. Hud 11: 40, 41;
5. An-Nahl 16:14;	5. An-Nahl 16:14;
6. Al-Isra' 17:66;	6. Al-Isra' 17:3, 66;
7. Al-Haj 22:65;	7. Al-Kahfi 18:71;
8. Al-Rum 30:46;	8. Maryam 19:58;
9. Luqman 31:31;	9. Al-Mu'minin 23:22,
10. Yang Menjadikan 35:12;	27,28;
11. Yasin 36:41;	10. Al-Asyura 26:119;
12. Asy Syura 42:32;	11. Al-Ankabut 29:15, 65;
13. Al Jatsiah 45:12; dan	12. Al-Rum 30:46,
14. Adz Dzariyat 51:31.	13. Luqman 31:31;
	14. Yang Menjadikan
	35:12;
	15. Yasin 36:41;
	16. Ash Sharaat 37:140,
	17. Al-Ghafir 40:80;
	18. Az Zukruf 43:12;
	19. Al Jatsiah 45:12;
	20. Al-Qamar 54: 13; dan
	21. Al Haqqah 69:11.

Berpandukan kepada senarai di Jadual 5, ternyata al-Quran telah menyentuh dua ciri sebuah kapal berkali-kali dalam pelbagai konteks kegunaannya. Buktinya dapat diperhatikan melalui petikan ayat-ayat di bawah ini.

- (a) Contoh ayat-ayat yang menyentuh ciri kebolehan kapal terapung dan belayar

'Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan (pada) pertukaran malam dan siang dan (pada) kapal-kapal yang belayar di lautan dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia;...'

(Surah al-Baqarah 2:164)

...Dia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya...

(Surah Ibrahim 14:32)

- (b) Manakala contoh ayat yang berhubung ciri kedua kapal iaitu terletak pada tujuan penggunaan kapal dapat diperhatikan melalui maksud ayat-ayat berikut;

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan (pada) pertukaran malam dan siang dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia;...
(Surah al-Baqarah 1:164)

...bahawa Dia menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang menggembirakan dan untuk merasakan kamu sedikit dari rahmatNya dan supaya kapal-kapal belayar laju dengan perintahNya, dan juga supaya kamu dapat mencari rezeki ...
(Surah al Rum 30:46)

Tidakkah engkau memerhatikan bahawasanya kapal-kapal belayar di laut dengan nikmat kurnia Allah, ...
(Surah Luqman 31:31)

...(selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal membelah air belayar padanya; (diadakan semuanya itu) supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia allah dan supaya kamu bersyukur.
(Surah Yang Menjadikan 35:12)

Dalam konteks yang berikutnya, H. Salim Bahreisy & H. Said Bahreisy telah memberikan satu rumusan tentang manfaat kapal kepada manusia cukup besar. Berpandukan kepada ayat-ayat di atas ini (surah al-Rum; surah al-Luqman dan surah Yang Menjadikan) H. Salim Bahreisy & H. Said Bahreisy, selanjutnya berpandangan bahawa fungsi kapal bukan hanya sebagai mencari rezeki malah ia merupakan pembuka jalan kepada perhubungan yang sukar ditembusi melalui jalan darat dan sekaligus dapat menjalinkan hubungan di antara dua daerah, negara dan benua.⁴⁶

Rezeki daripada sesebuah kapal meliputi perdagangan serta sektor perikanan apabila kapal merupakan medium utama untuk nelayan-nelayan persisiran pandai dan laut dalam mencari rezeki di laut. Selanjutnya kekayaan laut dan fungsi kapal ini dapat diperhatikan berpandukan kepada maksud petikan ayat di bawah ini.

dan Dialah yang memudahkan laut, supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang lembut hidup-hidup dan dapat mengeluarkan daripadanya benda-benda perhiasan untuk kamu memakainya dan (selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal yang belayar padanya dan lagi supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurniaNya dan supaya kamu bersyukur.

(Surah An Nahl 16:14)

Diikuti ayat berikutnya yang bermaksud;

... Dari tiap-tiap satunya kamu dapat makan daging yang lembut hidup-hidup dan dapat pula kamu

mengeluarkan benda-benda perhiasan untuk kamu memakainya; (selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal membelah air belayar padanya;...
(Surah Yang Menjadikan 35:12)

Sesungguhnya ciri kedua sebuah kapal yang digarapkan oleh al-Quran cukup luas dan meliputi aspek keperluan manusia seperti mencari rezeki di laut, perdagangan, membawa penumpang, membawa muatan serta bertindak sebagai kenderaan penyelamat. Dengan rujukan kepada bukti yang dinyatakan melalui ayat-ayat di atas ini sesungguhnya dua ciri penentuan status kapal di dalam al-Quran amat jelas sebagai petunjuk dan panduan diberikan kepada manusia.

KLASIFIKASI KAPAL DI DALAM AL-QURAN

Rujukan dan penganalisan ini juga telah membawa kepada satu lagi keunikan dan petunjuk daripada al-Quran bahawa kapal mempunyai kategorinya sendiri. Istilah yang terdapat pada ayat-ayat pada Jadual 3 menggunakan istilah seperti *al-fulk*⁴⁷, *safinah*⁴⁸, *jawari* sebagaimana pada Jadual 6 di bawah ini.

JADUAL 6. Kategori kapal di dalam al-Quran

Istilah <i>al-fulk</i>	Istilah <i>Safinah</i>	Istilah <i>Jawari</i>
1. Al-Baqarah 2:164;	1. Al-Khahfi	1. Asy Syura
2. Al-A`raf 7:64;	18:71, 79;	43; 32; dan
3. Yunus 10:22 & 73;	dan	2. Ar Rahman
4. Hud 11:37, 38, 40;	2. Al-Ankabut	55;24.
5. Ibrahim 14:32;	29:15.	
6. An-Nahl 16:14;		
7. Al-Isra' 17:66;		
8. Al-Haj 22:65;		
9. Al-Mu'minin		
23:22,27,28;		
10. Al-Asyura		
26:119;		
11. Al-Ankabut		
29:65;		
12. Al-Rum 30:46;		
13. Luqman 31:31;		
14. Yang Menjadikan		
35:12; 15. Yasin		
36:41;		
16. Ash Sharaat		
37:140,		
17. Al-Ghafir 40:80;		
18. Az Zukruf 43:12;		
dan		
19. & Al Jatsiah		
45:12.		

KESIMPULAN

Kesimpulannya, biarpun kisah Nabi Nuh A.S. mungkin dianggap sebagai cebisan kisah sejarah yang dimuatkan di dalam al-Quran, namun di sinilah sebenarnya bermulanya revolusi sejarah pembuatan kapal. Tanpa kita sedari bertitik tolak dari zaman Nabi Nuh A.S. industri pembinaan kapal telah mengalami transformasi teknologi saiz, rekabentuknya⁴⁹ dan kegunaannya. Pergerakannya dahulu mengharap bantuan angin kini telah berganti kepada penggunaan enjin bermotor. Transformasi yang berlaku ini telah menjadikan masa pelayaran dapat disingkatkan. Manakala jika diperhatikan perubahan saiz kapal, kuantiti nilai eksport dapat dipertingkatkan dalam satu-satu pelayaran sekaligus telah merancakkan perkembangan ekonomi sedunia.

Biarpun maksud kapal sediala bersifat umum, namun penentuan ujian dua ciri sebagaimana yang dibahaskan di atas cukup bererti kepada manusia. Malah ciri struktur dan ciri tujuan navigasi merupakan panduan yang penting kepada para hakim dalam memutuskan status apa jua struktur objek yang terapung daripada semasa kesemasa samada kapal atau sebaliknya. Malah berdasarkan kepada hujahan dan analisa himpunan senarai surah dan ayat pada Jadual 4 dan 5, ternyata dua ciri sebagaimana yang terkandung di dalam al-Quran adalah panduan dan petunjuk yang tidak dapat dipertikaikan lagi. Biarpun mungkin yang akan berpandangan bahawa perbahasan rencana ini hanyalah sekadar kebetulan. Namun sesungguhnya ciri struktur dan tujuan navigasi ini yang digunakan oleh para hakim adalah satu panduan dan petunjuk yang telah digarapkan kepada kita tanpa kira sedari. Malah petunjuk dan panduan dua ciri di atas adalah bukti kehebatan al-Quran kepada manusia serta tanda kekuasaan Allah yang tidak seharusnya dipandang ringan lagi.

NOTA

¹ Undang-undang admiralti adalah merujuk kepada undang-undang yang berkaitan dengan aktiviti perkapalan dan aktiviti perdagangan. Undang-undang admiralti kapal mempunyai liabilitinya sendiri.

² Mandakara-Sheppard, A., *Modern Maritime Law*, Edisi ke-2, London, Routledge-Cavendish, 2007, hlm 14.

³ Tindakan in rem lazimnya dilakukan terhadap res iaitu merujuk kepada kapal atau kargo atau freight. Namun tindakan ini lebih sinonim dengan tindakan terhadap kapal.

⁴ Seksyen 20(2)(a)-(s) Akta Mahkamah Agung 1981 (UK) memperuntukan sebanyak lapan belas tuntutan sivil maritim yang boleh dijadikan sebagai kausa tindakan di Malaysia. Antaranya adalah seperti kerosakan yang dilakukan atau dialami oleh kapal, gaji krew kapal, pertikaian hak pemilikan kapal dan sebagainya.

⁵ Sheikh Mahmud Khalil Al-Husairi, Belajar al-Quran Lebih Mudah: Qari CD Autorun 2.0, Kelantan, mawarsoft. Perisian komputer ini mempunyai terjemahan dwi bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

⁶ Shaykh Safiur-Rahman Al-Mubarakpuri, *Tafsir Ibn Kathir*, Edisi ke-2, Jil 1-10, Riyadh, Darulssalam, 2003. Kitab tafsir ini mempunyai sepuluh jilid keseluruhannya.

⁷ H. Salim Bahreisy & H. Said Bahreisy, *Terjemahan Singkat Tafsir Ibnu Katsir*, Terj., Surabaya, Pt Bina Ilmu, 1992.

⁸ M. Quraish Shihab, *Tafsir Al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Quran*, Jil 1-15, Jakarta, Lentera Hati, 2003. Kitab ini mempunyai lima belas jilid keseluruhannya.

⁹ Sayyid Quthb, *Tafsir Fi Zhilalil Qur'an*, Terj., Asa'd Yasin, Jakarta, Perpustakaan Nasioanal, 2002. Kitab tafsir ini mempunyai sebanyak dua belas jilid kesemuanya.

¹⁰ Soanes, C. & Stevenson, A.(pnyt.), *Oxford Dictionary of English*, Edisi ke-2, Oxford, Oxford University Press, 2005.

¹¹ Soanes, C. & Stevenson, A.(pnyt.), *Oxford Dictionary of English*, Edisi ke-2, Oxford, Oxford University Press, 2005, hlm 1961.

¹² Seksyen 24(1) Akta Mahkamah Agung 1981 (UK). Rujukan akta ini adalah terpakai dalam konteks admiralti melalui peruntukan seksyen 24(b) Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

¹³ Kaedah 1(2), Aturan 70 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 [PU (A) 98/1990].

¹⁴ Kes *Merchant Marine Insurance Co Ltd v North of England P&I Assoc* (1926) 26 LIL Rep 201 (CA), hlm. 203.

¹⁵ (1882) 7. P.D. 126 (CA).

¹⁶ Cremean, D. J., *Admiralty Jurisdiction: Law and Practice in Australia, New Zealand, Singapore and Hong Kong*, Edisi ke-3, Sydney, The Federation Press, 2008, hlm 36.

¹⁷ Mandaraka-Sheppard, A., *Modern Maritime Law*, Edisi ke-2, London, Routledge Cavendish, 2007, hlm14-19.

¹⁸ Seksyen 742 Akta Perkapalan Saudagar 1894 memperuntukan maksud vesel seperti berikut;

“...vessel includes any ship or boat, or any other description of vessel used in navigation; ‘ship’ includes every description of vessel used in navigation not propelled by oars.”

¹⁹ Seksyen 313(1) Akta Perkapalan Saudagar 1995 mendefinisikan kapal seperti berikut:

“a ship to include every description of vessel used in navigation.”

²⁰ Kes *Polpen Shipping Co. Ltd v Commercial Union Assurance Co. Ltd* [1943] 1 KB 161, hlm 167.

²¹ (1871) LR 6 QB 280, hlm 290.

²² (1882) 7 PD 126.

²³ [1965] 1 Llyod's Rep 550, hlm 553.

²⁴ [1992] 2 Llyod's Rep 163, hlm 166.

²⁵ Mandaraka-Sheppard, A., *Modern Maritime Law*, 2007, hlm 17.

²⁶ (1882) 7 PD 126.

- ²⁷ [1911] P 116.
- ²⁸ [1893] 1 QB 359.
- ²⁹ [1992] 2 Lloyd's Rep 163.
- ³⁰ [2006] 1 Lloyd's Rep 432.
- ³¹ Kes *Steedman v Schofield* [1992] 2 Lloyd's Rep. 163.
- ³² Kes *Watson v R.C.A. Victor* (1934) 50 L.L.R. 77.
- ³³ Kes *Herbert v Air Logistic* [1984] A.M.C. 1512 (U.S. 5th Cir.).
- ³⁴ Kes *Merchants Marine Insurane v North of England P. & I. Assoc.* (1926) 26 L.L. Rep 201 (CA).
- ³⁵ M. Quraish Shihab, *Tafsir al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Quran*, Jil. 6, Jakarta: Lentera Hati, 2004, hlm. 245.
- ³⁶ H. Salim Bahreisy & H. Said Bahreisy (Pntrj.), *Terjemahan Singkat Tafsir Ibnu Katsir*, Jil. 4, Surabaya: Pt Bina Ilmu, 1992, hlm. 290.
- ³⁷ H. Salim Bahreisy & H. Said Bahreisy (Pntrj.), *Terjemahan Singkat Tafsir Ibnu Katsir*, Jil. 4, Surabaya: Pt Bina Ilmu, 1992, hlm. 290.
- ³⁸ H. Salim Bahreisy & H. Said Bahreisy (Pntrj.), *Terjemahan Singkat Tafsir Ibnu Katsir*, 1992, hlm 290.
- ³⁹ H. Salim Bahreisy & H. Said Bahreisy (Pntrj.), *Terjemahan Singkat Tafsir Ibnu Katsir*, Jil. 4, Surabaya: Pt Bina Ilmu, 1992, hlm. 290- 291.
- ⁴⁰ H. Salim Bahreisy & H. Said Bahreisy (Pntrj.), *Terjemahan Singkat Tafsir Ibnu Katsir*, 1992, hlm 290-291.
- ⁴¹ M. Quraish Shihab, *Tafsir Al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Quran*, Jil. 6, Jakarta: Lentera Hati, 2004, hlm 249.
- ⁴² M. Quraish Shihab, *Tafsir Al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Quran*, Jil. 11, Jakarta: Lentera Hati, 2003, hlm 156-158.
- ⁴³ Perisian Mawar <http://www.mawarsoft.com>. Perisian komputer ini menggunakan al-Quran resam Othmani yang mempunyai terjemahan dwi bahasa iaitu bahasa melayu dan bahasa Inggeris. Pencarian melibatkan pemakaian istilah-istilah seperti kapal, bahtera, sampan, vessel, ship dan boat.
- ⁴⁴ M. Quraish Shihab, *Tafsir Al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Quran*, Jil. 8, Jakarta: Lentera Hati, 2002, hlm 510.
- ⁴⁵ M. Quraish Shihab, *Tafsir Al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Quran*, Jil. 6, Jakarta: Lentera Hati, 2004, hlm 53.
- ⁴⁶ H. Salim Bahreisy & H. Said Bahreisy (Pntrj.), *Terjemahan Singkat Tafsir Ibnu Katsier*, Jil.6, Surabaya: Pt Bina Ilmu, 1990, hlm 243; 266 & 377.
- ⁴⁷ Merujuk kepada kapal yang bersaiz besar dan di gunakan sebagai untuk tujuan pengangkutan dan perdagangan.
- ⁴⁸ Merujuk kepada sampan kecil.
- ⁴⁹ Antara reka bentuk binaan yang boleh belayar adalah seperti feri, bot, sampan, vesel, jet-ski dan tongkang.

RUJUKAN

- Cremean, D. J.. 2008. *Admiralty Jurisdiction: Law and Practice in Australia, New Zealand, Singapore and Hong Kong*. Edisi ke-3. Sydney: The Federation Press.
- H. Salim Bahreisy & H. Said Bahreisy . 1992. *Terjemahan Singkat Tafsir Ibnu Katsir*, Terj. Surabaya: Pt Bina Ilmu.
- Mandakara-Sheppard, A. 2007. *Modern Maritime Law*. Edisi ke-2. London: Routledge-Cavendish.
- M. Quraish Shihab. 2003. *Tafsir Al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Quran*. Jil. 1-15. Jakarta: Lentera Hati.
- Sayyid Quthb. 2002. *Tafsir Fi Zhilalil Qur'an*, Terj., Asa'd Yasin. Jakarta: Perpustakaan Nasioanal.
- Shaykh Safiur-Rahman Al-Mubarakpuri. 2003. *Tafsir Ibn Kathir*. Edisi ke-2. Jil. 1-10. Riyadh: Darulssalam.
- Sheikh Mahmud Khalil Al-Husairi. *Belajar al-Quran Lebih Mudah: Qari CD Autorun 2.0*. Kelantan: Mawarsoft.
- Soanes, C. & Stevenson, A. (pnyt.). 2005. *Oxford Dictionary of English*. Edisi ke-2. Oxford: Oxford University Press.
- Asmar Abdul Rahim
Pelajar Siswazah
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
4300 UKM Bangi
Selangor.
Emel: asmar505@yahoo.com.my
- Dr. Mahmud Zuhdi Mohd Nor
Pensyarah Kanan
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
4300 UKM Bangi
Selangor.
Emel: zuhdi@ukm.my

